

Pandelela, Jun Hoong jadi sandaran



Pandelela (kiri) dan Jun Hoong sandaran emas di Sukan Komanwel.

➔ Kontinjen negara sasar kekal pencapaian menang 4 pingat ketika Glasgow 2014

Oleh Aida Adillah Mat
aida_adilah@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kejayaan Cheong Jun Hoong meruntuhkan tembok besar China untuk bergelar juara dunia, meletakkan status penerjun ne-

gara dalam kelas tersendiri menjelang Sukan Komanwel di Gold Coast pada 4 hingga 15 April ini.

Namun, kehebatan penerjun England, Kanada dan Australia tidak boleh dipandang mudah. Empat tahun lalu ketika temasya di Glasgow 2014, England menguasai carta pungutan pingat dengan meraih empat emas, diikuti Kanada (3) dan Australia (2) manakala Ooi Tze Liang menyumbangkan emas tunggal buat negara dalam acara 3 meter papan anjal.

Bagaimanapun, kemantapan gandingan Jun Hoong dan Pandelela Rinong menghadihkan perak dalam acara 10 meter platform seirama dalam Siri Piala Dunia di Beijing baru-baru ini menceraikan peluang negara memperbaiki pencapaian empat tahun lalu.

Namun, kecederaan Jun Hoong, Pandelela dan Leong Mun Yee sedikit meresahkan kem negara.

Keadaan terbaik

Setiasaha Kehormat Kesatuan Renang Amatir Malaysia (ASUM), Mae Chen berkata, kecederaan tiga penerjun itu tidak begitu membimbangkan dan persediaan penerjun ketika ini dalam keadaan terbaik sekali gus pihaknya yakin mereka mampu untuk mengekalkan prestasi empat tahun lalu.

Katanya, secara realistik penerjun akan cuba mengekalkan empat pingat yang diraih empat tahun lalu iaitu satu emas, dua perak dan satu gangsa.

Kelibat penerjun muda seperti Hanis Nazirul Jaya Surya dan Jellson Jabillin juga boleh diharapkan biar pun prestasi Nur Dhabitah Sabri agak tidak me-

mentu.

“Saya harap semua penerjun negara dapat mempamerkan prestasi terbaik nanti. Dhabitah, biarpun dia tidak dapat beraksi dengan baik dalam dua Siri Piala Dunia baru-baru ini, situasi itu mungkin berubah di Komanwel nanti,” katanya.

Sementara itu, lima perenang diketuai Olimpian negara, Welson Sim Chan Jie, Tern Jian Han, Keith Lim dan perenang tunggal wanita, Caroline Chan akan menggalas cabaran negara di Gold Coast.

Berdasarkan catatan masa, sasaran untuk meraih pingat adalah mustahil.

Malah, jurulatih Paul Birmingham turut mengakui perkara itu kerana cabaran yang dihadapi perenang bukan mudah apabila perlu berdepan dengan juara dunia dan Olimpik.

➔ SUKAN



Gold Coast 2018
Sukan Komanwel ke-21



Renang dan Terjun
Venue: Pusat Renang Optus
Tarikh: 5-10 (Renang)
11-14 April (Terjun)



Sasaran Renang

● Tiada



Pencapaian Glasgow 2014

Tiada pingat

ATLET:

1. Welson Sim
2. Chan Jie Keith
3. Lim Kit Sern
4. Tern Jian Han
5. Caroline Chan Zi Xin



Sasaran Terjun

● Tiada



Pencapaian Glasgow 2014

1 emas, 2 perak, 1 gangsa

ATLET:

1. Cheong Jun Hoong
2. Pandelela Rinong
3. Leong Mun Yee
4. Nur Dhabitah Sabri
5. Jasmin Lai Pui Yee
6. Kimberly Bong
7. Ooi Tze Liang
8. Gabriel Gilbert Daim
9. Hanis Nazirul Jaya
10. Surya Jellson Jabillin
11. Muhammad Syafiq Puteh
12. Chew Yiwei
13. Ahmad Amsyar Azman